

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, March 9, 2019 2:54 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Terima Tajaan OPTOM Sempena SUKUUM 2019



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

09 MAC 2019 / 02 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM TERIMA TAJAAN OPTOM SEMPENA SUKUUM 2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima tajaan bernilai RM28,000 daripada OPTOM Resources sempena Kejohanan Sukan UUM (SUKUUM) 2019 yang akan berlangsung pada 15 Mac ini.

Penyerahan tajaan dalam bentuk barangan itu telah disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif OPTOM Resources, Firdaus Abdul Razak kepada Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Balai Tamu, baru-baru ini.

Firdaus berkata, tajaan diberikan itu turut meliputi tajaan cermin mata, promosi dan pakaian untuk tetamu kehormat, petugas dan juga pemenang SUKUUM kelak.

Menurutnya, pemilihan Pusat Sukan UUM untuk penajaan ini juga adalah sempena pembukaan cawangan pertama kedai cermin mata OPTOM di Kedah pada April nanti.

“Sepanjang SUKUUM ini, OPTOM akan bersama-sama UUM untuk mempromosikan produk OPTOM Sport bersesuaian dengan kejohanan itu.

“Pada masa sama, saya mensasarkan pembukaan 100 outlet OPTOM di seluruh negara dan akan memberi peluang kepada usahawan-usahawan di universiti yang ingin memulakan perniagaan untuk terlibat sama,” katanya.

Beliau turut menyerahkan piala tajaan kepada Naib Canselor pada petang itu.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.